

**MEROKOK DAN IMPLIKASINYA DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH KULAIJAYA**

BAHROINI BIN BASIRON @ BADRON

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

**MEROKOK DAN IMPLIKASINYA DALAM KALANGAN GURU-GURU
SEKOLAH KEBANGSAAN DAERAH KULAIJAYA**

BAHROINI BIN BASIRON @ BADRON

Tesis ini dikemukakan
sebagai memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah (Sains Halal)

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

DISEMBER 2014

Dedikasi

Teristimewa untuk

*Ayahanda dan Bonda yang dikasihi,
Hj Basiron Bin Hj Mohd Jais & Hj Badriah Binti Hj Anuar,*

*Isteri yang tercinta,
Azlizawati Binti Abdul Rahman,*

*Anak-anak tersayang,
Iman Baihaqi, Muhammad Aydin Fakhri dan Muhammad Nafis Azraie
*Doa dan harapan, kesabaran dan penantian kalian,
Sungguh aku amat berterima kasih.**

***Para guru-guru dan sahabat yang dihormati,**
Terima kasih di atas segala dorongan dan sokongan dengan segala jasa baik yang
kalian berikan.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, dengan penuh kesyukuran ke hadrat Ilahi dapat jua akhirnya saya menyiapkan tesis ini sebagai memenuhi keperluan syarat penganugerahan ijazah Sarjana Falsafah Sains Halal.

Ribuan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan saya tujukan kepada semua guru dan pensyarah yang telah memberikan ilmu dan tunjuk ajar yang berguna selama ini, khasnya kepada Prof. Madya Dr. Aminuddin bin Ruskam selaku Penyelia Projek Sarjana ini. Jasa dan budi tuan, hanya tuhan sahaja yang dapat membalasnya.

Terima kasih juga saya tujukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, Pejabat Pendidikan Daerah Kulaijaya, khasnya sekolah-sekolah kebangsaan daerah Kulaijaya yang terlibat serta guru-guru yang sedia bekerjasama dalam menjalankan kajian ini.

Terima kasih juga saya ucapkan kepada isteri, Pn. Azlizawati binti Abdul Rahman serta anak-anak yang begitu sabar dan memahami, kepada rakan-rakan seperjuangan serta kepada semua yang telah sudi memberikan kerjasama dan komitmen yang begitu tinggi.

Mudah-mudahan hasil kajian ini boleh memberi manfaat kepada sesiapa yang membacanya. Segala patah perkataan dalam kajian ini adalah ilmu milik Allah S.W.T dan dapat dihasilkan dalam tesis sarjana ini.

Sekian, terima kasih.

ABSTRAK

Merokok merupakan kebiasaan yang berlaku dalam masyarakat walaupun ia memudaratkan. Isu utama kajian ini ialah merokok dan implikasinya dalam kalangan guru-guru sekolah kebangsaan daerah Kulaijaya. Objektif kajian adalah untuk mengenal pasti pengetahuan guru-guru terhadap hukum merokok mengikut perspektif Islam, kesedaran guru-guru terhadap implikasi kesihatan akibat amalan merokok, kepekaan responden kepada peraturan-peraturan larangan merokok di kawasan sekolah dan mengenal pasti kewajaran kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam. Kajian ini juga bertujuan untuk menganalisis perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor umur, jantina, taraf pendidikan, dan opsyen, serta menganalisis hubungan yang signifikan antara kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam dengan kesedaran hukum merokok. Metodologi kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dengan membina instrumen soal selidik berdasarkan objektif yang ditetapkan. Kajian ini dilaksanakan di 16 buah sekolah kebangsaan dalam daerah Kulaijaya dan melibatkan sampel kajian seramai 310 orang guru yang telah dipilih secara rawak. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan SPSS versi 18. Dapatan analisis kajian tentang pengetahuan guru-guru terhadap hukum merokok berada pada tahap tinggi, iaitu nilai min 3.82, manakala kesedaran terhadap implikasi kesihatan akibat amalan merokok menunjukkan nilai min 4.27 dan kewajaran pelaksanaan kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam, iaitu nilai min 4.39. Kepekaan responden terhadap peraturan-peraturan larangan merokok di kawasan sekolah berada di tahap sederhana, iaitu nilai min 3.60. Dapatan kajian bagi keseluruhan dimensi menunjukkan nilai purata min adalah tinggi iaitu, 4.02 (SP= 0.90). Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor umur, taraf pendidikan, dan opsyen. Namun, terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor jantina. Seterusnya kajian kolerasi menunjukkan hubungan yang kuat antara program kempen tidak merokok dengan kesedaran hukum merokok. Penerimaan hukum merokok oleh responden menunjukkan kewajaran pelaksanaan kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam adalah perlu diutamakan bagi mengurangkan jumlah perokok di dalam negara.

ABSTRACT

Smoking is a common habit that is practiced in today's society although it is harmful. The main issue of this research is about smoking and its implications among the primary school teachers in Kulajaya district. There are six objectives in this research; to identify teachers' knowledge on Islamic prohibition of smoking; to study the level of awareness among the teachers about the health risk of smoking; to understand the level of teachers' sensitivity about the smoking rules and prohibitions in particular within the school compound; and to evaluate the effectiveness of no-smoking campaign in accordance to Islamic law. This study also endeavors to analyze the significant difference between respondents' sensitiveness of smoking prohibitions and age factor, gender, level of education and option. It is also to also analyze the relationship between anti-smoking campaign that is in accordance to Islamic law and sensitiveness of smoking prohibitions. This research employed quantitative research methodology by utilizing questionnaire survey instrument that was constructed based on the pre-determined objectives. This survey was distributed in 16 primary schools in Kulajaya and a random of 310 respondents among the teachers was selected as a sample. The data was the analyzed using SPSS 18 software. Findings from this research shows that teachers' knowledge on smoking prohibitions is particularly high with 3.82 mean. Meanwhile, the mean of awareness of smoking risk is 4.27 and the mean of effectiveness of no-smoking campaign in accordance to Islamic laws is 4.39. In the meantime, teachers' sensitiveness of rules and prohibitions of smoking in school compound shows a moderate mean of 3.60. The overall finding of the analysis shows an average mean of 4.02, that is quite high (SP=0.90). The results also shows that there are no significant differences between awareness of smoking prohibitions in Islam and age factor, education level and options. However, there is a significant difference on sensitiveness of smoking prohibitions between different genders. On the other hand, correlation analysis shows that there is strong relationship between no-smoking campaign and smoking prohibitions awareness. The respondents' acceptance of smoking banned law proves that no-smoking campaign in accordance to Islamic law must be prioritized in order to reduce the number of smokers in the country.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	HALAMAN
	JUDUL	i
	PENGAKUAN PELAJAR	ii
	DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xiii
	SENARAI RAJAH	xvii
	SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xviii
	SENARAI LAMPIRAN	xx
	TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI	xxi
BAB 1	Pengenalan	
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	6
	1.4 Objektif Kajian	8
	1.5 Persoalan Kajian	9
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Batasan Kajian	10
	1.8 Definisi Istilah	11
	1.8.1 Implikasi	11

1.8.2	Tembakau	12
1.8.3	Rokok	13
1.9	Kesimpulan	14
BAB 2	KAJIAN LITERATUR	
2.1	Pendahuluan	16
2.2	Sejarah Awal Penemuan Rokok	17
2.3	Definisi Tembakau Dan Rokok	19
2.4	Kandungan-Kandungan Rokok	20
	2.4.1 Statistik Perokok Di Malaysia	22
2.5	Kerangka Teori Kajian	24
2.6	Hukum Merokok	28
	2.6.1 Pendapat Ulama Merokok Haram	29
	2.6.1.1 Pendapat Ulama Salaf (Terdahulu) Merokok Haram	31
	2.6.1.2 Pendapat Ulama Muashirin (Semasa) Bahawa Merokok Hukumnya Haram	33
	2.6.1.3 Alasan Dan Hujah Haram Merokok	36
2.6.2	Pendapat Yang Mengatakan Rokok Makruh	40
2.6.3	Pendapat Yang Mengatakan Rokok Harus	41
2.6.4	Keputusan Hukum Merokok Mengikut Majlis Fatwa	43
2.6.5	Fatwa Merokok Mengikut Negeri- Negeri Di Malaysia	44
2.6.6	Peruntukan Undang-Undang Larangan Merokok	45
2.6.7	Kawasan Larangan Merokok	45
2.6.8	Surat-surat Pekeliling Berkaitan Larangan Merokok Di Sekolah Dan Di Pusat Pengajian Tinggi	47
2.6.9	Kempen Mencegah Tidak Merokok	48

2.7	Kajian Lepas	50
2.7.1	Implikasi Merokok Terhadap Kesehatan	50
2.7.2	Implikasi Merokok Terhadap Ekonomi	53
2.7.3	Implikasi Merokok Terhadap Sosial	56
2.8	Kesimpulan	60
BAB 3	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pendahuluan	62
3.2	Reka Bentuk Kajian	63
3.3	Tempat Kajian	64
3.4	Populasi Kajian	65
3.5	Sampel Kajian	66
3.6	Instrumen Kajian	69
3.7	Taburan Item-Item Soal Selidik	71
3.8	Tatacara Kajian	72
3.9	Kajian Rintis	74
3.10	Penganalisan Data	76
3.11	Statistik Inferensi	78
3.12	Kesimpulan	80
BAB 4	ANALISIS KAJIAN	
4.1	Pendahuluan	81
4.2	Analisis Deskriptif Latar Belakang Responden	82
4.2.1	Jantina	82
4.2.2	Umur	82
4.2.3	Bangsa	83
4.2.4	Taraf Pendidikan	84
4.2.5	Opsyen	84
4.2.6	Pengalaman Mengajar	85
4.2.7	Lokasi Sekolah Mengikut Zon	86
4.2.8	Status Merokok	87

4.3	Analisis Deskriptif Pengetahuan Guru-guru Terhadap Hukum Merokok Mengikut Perspektif Islam	88
4.4	Analisis Deskriptif Kesedaran Guru-guru Terhadap Implikasi Kesihatan Akibat Amalan Merokok	94
4.5	Analisis Deskriptif Kepekaan Responden Terhadap Peraturan-Peraturan Larangan Merokok Di Kawasan Sekolah	99
4.6	Analisis Deskriptif Mengenal Pasti Kewajaran Pelaksanaan Kempen Tidak Merokok Yang Berteraskan Tujuan Perundangan Islam	105
4.7	Dapatan Keseluruhan Bagi Tahap Merokok Dan Implikasinya Dalam Kalangan Guru-guru Sekolah Kebangsaan Daerah Kulaijaya	110
4.8	Analisis Inferensi Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Umur	111
4.9	Analisis Inferensi Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Jantina	112
4.10	Analisis Inferensi Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Taraf Pendidikan	113
4.11	Analisis Inferensi Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Opsyen	114
4.12	Analisis Inferensi Terdapat Hubungan Antara Kewajaran Pelaksanaan Kempen Tidak Merokok Yang Berteraskan Tujuan Perundangan Islam Dengan Kesedaran Hukum Merokok Dalam Kalangan Guru-guru	115

4.13	Kesimpulan	116
BAB 5	PERBINCANGAN, RUMUSAN, DAN CADANGAN	
5.1	Pendahuluan	117
5.2	Latar Belakang Responden	118
5.3	Dapatan Kajian	120
5.3.1	Pengetahuan Guru-Guru Terhadap Hukum Merokok Mengikut Perspektif Islam	121
5.3.2	Kesedaran Guru-guru Terhadap Implikasi Kesihatan Akibat Amalan Merokok	124
5.3.3	Kepekaan Responden Kepada Peraturan-peraturan Larangan Merokok Di Kawasan Sekolah	127
5.3.4	Mengenal Pasti Kewajaran Perlaksanaan Kempen Tidak Merokok Yang Berteraskan Tujuan Perundangan Islam	130
5.3.5	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Umur, Jantina, Taraf Pendidikan dan Opsyen	133
5.3.5.1	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Umur	133
5.3.5.2	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Jantina	134
5.3.5.3	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Taraf Pendidikan	135
5.3.5.4	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Opsyen	136

5.3.6	Terdapat Hubungan Kewajaran Pelaksanaan Kempen Tidak Merokok Yang Berteraskan Tujuan Perundangan Islam Dengan Kesedaran Hukum Merokok Dalam Kalangan Guru-guru	137
5.4	Rumusan	138
5.5	Cadangan	140
5.6	Cadangan Kajian Lanjutan	141
5.7	Kesimpulan	142
	BIBLIOGRAFI	144
	LAMPIRAN A-D	151

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
2.1	Bahan Kimia Dalam Asap Rokok Dan Kegunaannya	21
3.1	Taburan Sekolah Mengikut Zon Daerah Kulaijaya	65
3.2	Jadual Penentuan Saiz Sampel, Krejcie, R.V Dan Morgan, D.W	67
3.3	Taburan Bilangan Guru Mengikut Sekolah Dan Zon	69
3.4	Skala Likert Bagi Jawapan Bahagian B, C, D Dan E	71
3.5	Tahap Nilai Min	71
3.6	Dapatan Kajian Rintis	75
3.7	Jadual Skala Jawapan Item Soalan Bahagian B, C, D, dan E	77
3.8	Kaedah Analisis Data Berdasarkan Objektif Kajian	77
3.9	Klasifikasi Kekuatan Kolerasi	78
3.10	Kaedah Penentuan Hipotesis Bagi Proses Penganalisan Data	79
4.1	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Jantina	82
4.2	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Umur	83
4.3	Taburan Kekerapan dan Peratus Responden Mengikut Bangsa	83

4.4	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Taraf Pendidikan	84
4.5	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Opsyen Mata Pelajaran	85
4.6	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	85
4.7	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Lokasi Sekolah Mengikut Zon	86
4.8	Taburan Kekekapan dan Peratus Responden Mengikut Status Merokok	87
4.9	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Pengetahuan Guru-Guru Terhadap Hukum Merokok Mengikut Perspektif Islam Bagi Item 1 Hingga 5	88
4.10	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Pengetahuan Guru-Guru Terhadap Hukum Merokok Mengikut Perspektif Islam Bagi Item 6 Hingga 10	93
4.11	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Kesedaran Guru-Guru Terhadap Implikasi Kesihatan Akibat Amalan Merokok Bagi Item 1 Hingga 5	94
4.12	Taburan Kekekapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Kesedaran Guru-Guru Terhadap Implikasi Kesihatan Akibat Amalan Merokok Bagi Item 6 Hingga 10	98

4.13	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Kepekaan Responden Terhadap Peraturan-Peraturan Larangan Merokok Di Kawasan Sekolah Bagi Item 1 Hingga 5	101
4.14	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Kepekaan Responden Terhadap Peraturan-Peraturan Larangan Merokok Di Kawasan Sekolah Bagi Item 6 Hingga 10	104
4.15	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Mengenal Pasti Hubungan Antara Kempen Tidak Merokok Dengan Kepatuhan Hukum Haram Merokok Bagi Item 1 Hingga 5	105
4.16	Taburan Kekerapan, Peratus, Min Dan Sisihan Piawai Analisis Deskriptif Responden Mengikut Mengenal Pasti Hubungan Antara Kempen Tidak Merokok Dengan Kepatuhan Hukum Haram Merokok Bagi Item 6 Hingga 10	108
4.17	Rumusan Dapatan Keseluruhan Bagi Tahap Merokok Dan Implikasinya : Kajian Dalam Kalangan Guru-Guru Sekolah Kebangsaan Daerah Kulaijaya	111
4.18	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Umur	112
4.19	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Jantina	112
4.20	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Taraf Pendidikan	113
4.21	Perbezaan Yang Signifikan Antara Kesedaran Hukum Merokok Dengan Faktor Opsyen	114

4.22	Terdapat Hubungan Antara Kewajaran Pelaksanaan Kempen Tidak Merokok Yang Berteraskan Tujuan Perundangan Islam Dengan Kesedaran Hukum Merokok Dalam Kalangan Guru-guru	115
------	--	-----

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
2.1	Fasa Perkembangan Merokok	26
2.2	Model Kajian Impak Program	27
2.3	Pemerolehan Hukum Syar'i	29

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

%	-	Peratus
CMTM	-	Gabungan Pengilang Tembakau Malaysia
COPD	-	Penyakit Sekatan Pulmonari Kronik
CTPR	-	Control of Tobacco Products Regulations
IARC	-	International Agency for Research on Cancer
IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
ITC	-	Kawalan Tembakau Antarabangsa
JAKIM	-	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
KS	-	Kurang Setuju
NHMS	-	Morbiditi Dan Kesihatan Kebangsaan
PAR	-	Pendedahan Asap Rokok
PPKHT	-	Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau
<i>r</i>	-	Kolerasi Koefisien Pearson
S	-	Setuju
SD	-	Standard Deviation
SEATCA	-	Southeast Asia Tobacco Control Alliance
SK	-	Sekolah Kebangsaan
SP	-	Sisihan Piawai
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Package for Sosial Science
SS	-	Sangat Setuju
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia

STS	-	Sangat Tidak Setuju
TS	-	Tidak Setuju
UTM	-	Universiti Teknologi Malaysia
WHO	-	Pertubuhan Kesihatan Sedunia

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Borang Soal Selidik	151
B	Surat Memohon Kebenaran Mendapatkan Maklumat Kajian	157
C	Surat Pengesahan Semakan Tatabahasa	158
D	Nota Makluman Dari Penyelidik	159

TRANSLITERASI HURUF ARAB KE HURUF RUMI

1. Konsonan

Huruf Arab	Huruf Rumi	Huruf Arab	Huruf Rumi
ا	a	ط	t/T
ب	b	ظ	z/Z
ت	t	ع	'
ث	Th	غ	gh
ج	J	ف	f
ح	h/H	ق	q
خ	Kh	ك	k
د	d	ل	l
ذ	Dh	م	m
ر	r	ن	n
ز	z	و	w
س	s	ه	h
ش	Sy	ء	'
ص	ṣ/Ṣ	ي	y
ض	ḍ/D	ة	ṭ

2. Vokal

2.1 Vokal Pendek

Huruf Arab Huruf Latin Contoh Asal Contoh Transliterasi

اَ	a	فعل	fa'ala
اِ	i	حسب	hasiba
اُ	u	كتب	kutiba

2.2 Vokal Panjang

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
ا، ي	ā	كاتب، قاضي	kātib, qadā
ي	ī	مكري	makrī
و	ū	حروف	hurūf

3. Diftong

Huruf Arab	Huruf Latin	Contoh Asal	Contoh Transliterasi
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي	iyy / i	رجعي	raj'iyy atau rajī
و	uww / u	عدو	'aduww atau 'adū

PENGECUALIAN

1. Huruf Arab ء (hamzah) pada awal perkataan ditransliterasikan kepada 'a' bukan kepada 'ā.

Contoh : أكبر , transliterasi: *akbar* bukan *'akbar*.

2. Huruf Arab ة , ة (ta' marbutah) pada perkataan tanpa ال (al) yang bersambung dengan perkataan lain ditransliterasikan kepada 't'.

Contoh: وزارة التعليم , transliterasi: *wizarat al-ta'lim*, bukannya *wizarah al-ta'lim*. Tetapi sekiranya terdapat pada perkataan yang ada ال (al) atau pada

perkataan tunggal atau pada perkataan terakhir, *ta' marbutah* ditransliterasikan kepada 'h'.

Contoh:	Transliterasi:
المكتبة الأهلية	al-Maktabah al-Ahliyyah
قلعة	qal'ah
داروہبہ	Dār Wahbah

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Hukum merokok yang menjadi perbincangan pada masa dahulu, kini dapat dibuktikan melalui kajian perubatan dan fakta-fakta sains untuk memberi penjelasan secara ilmiah kepada masyarakat. Majoriti ulama menjelaskan keharamannya kerana bahaya kandungan rokok dan asap rokok yang menyebabkan risiko kesihatan serta memudaratkan orang lain. Selain itu, relevannya Islam mengharamkan rokok kerana faktor-faktor berlakunya masalah sosial seperti ketagihan rokok dalam kalangan remaja, bertambahnya penagihan dadah dan sifat pembaziran yang dicela oleh Islam.

Budaya merokok ini menjadi amalan yang biasa dalam kalangan masyarakat tidak kira mengira tempat, bangsa dan agama malahan mereka yang berpendidikan.¹ Fenomena ini bertambah membimbangkan kerana saban hari dapat dilihat mereka yang merokok bukan hanya dimonopoli oleh kaum lelaki tetapi telah menular kepada

¹ Aiman Husaini (2006), *Taubat Merokok Rahsia & Cara Empatik Berhenti Merokok*, Jakarta: Pustaka Ilham, m.s. 29.

kaum wanita dengan jumlah wanita yang merokok di negara ini seramai 274,000 orang.²

Tidak kurang juga mereka yang masih merokok di premis-premis yang tertera tanda “*Dilarang Merokok*”. Betapa peliknya situasi ini sedangkan kempen-kempen oleh Kementerian Kesihatan, Agensi Dadah Kebangsaan, Majlis Agama Negeri-Negeri dalam mempromosikan keburukan dan kesan-kesan yang memudaratkan daripada amalan merokok ini sentiasa diperhebahkan.

Oleh itu, kajian ini dikemukakan untuk mengkaji pengetahuan dalam kalangan warga pendidik mengenai kesedaran hukum merokok menurut perspektif Islam. Merujuk kepada fatwa tentang rokok oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-37 yang bersidang pada 23 Mac 1995 bahawa merokok adalah haram dari pandangan Islam. Walau bagaimanapun sehingga kini belum semua negeri di Malaysia yang telahewartakan fatwa tersebut. Kajian ini juga dapat mengenal pasti sejauh mana kepekaan guru-guru terhadap peraturan-peraturan larangan merokok di kawasan sekolah dapat dipatuhi untuk memberi contoh yang terbaik kepada warga sekolah khususnya murid-murid dan masyarakat awam. Selain itu, untuk mengetahui apakah kempen tidak merokok yang dilaksanakan oleh agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan selama ini dapat memberi kesedaran tentang hukum merokok dari sudut Islam.

1.2 Latar Belakang Masalah

Kehidupan yang sihat adalah fitrah kehendak setiap individu di mana pengharapan doa kepada tuhan antara yang utamanya memohon untuk diberi kesihatan dan

² Berita Harian, 21 Mei 2007

kesejahteraan. Justeru persoalannya mereka lupa apakah amalan dan gaya kehidupan harian mereka boleh menjamin kesihatan dan kesejahteraan tersebut. Dewasa ini terdapat banyak hasil kajian berkaitan bahaya merokok dari sudut kesihatan. Hampir di mana-mana kedai makan juga restoran sentiasa ada orang yang merokok. Mereka yang tidak merokok turut menghirup udara yang dicemari asap rokok disebabkan kebiasaan amalan merokok selepas makan. Sewajarnya dalam arus warga Malaysia menuju masyarakat kelas pertama sudah tentu sikap dan amalan merokok di tempat-tempat awam yang mengganggu keharmonian bersama dapat dielakkan.

Sebagaimana yang dilaporkan di Amerika Syarikat terdapat lebih 443,000 kematian setiap tahun berpunca daripada merokok, iaitu satu daripada setiap lima kematian. Beban ekonomi penggunaan merokok merangkumi lebih daripada US193 bilion setahun dalam kos penjagaan kesihatan dan menyebabkan kehilangan produktiviti yang lain.³

Manakala jumlah perokok dalam negara yang dilaporkan oleh *Southeast Asia Tobacco Control Alliance* (SEATCA 2007) mendapati bahawa kira-kira seorang daripada setiap dua lelaki dewasa 46.4% di negara ini adalah perokok jika dibandingkan dengan Thailand 36.9% dan Singapura 21.8%. Angka ini mewakili anggaran sejumlah 2.7 juta daripada 3.1 juta penduduk dewasa di negara ini adalah perokok.⁴

Pada masa kini, merokok bukan sahaja di kalangan kaum lelaki tetapi kaum wanita juga semakin bertambah. Golongan wanita mempunyai risiko lebih banyak berbanding lelaki apabila merokok atau menyedut asap rokok kerana mereka terdedah bahaya semasa mengandung dan melahirkan, keguguran, bayi tidak cukup bulan serta bayi meninggal dunia di dalam rahim. Pakar Psikologi Jabatan Psikologi

³ Public Health Service Office of the Surgeon General Rockville, MD (2010) *How Tobacco Smoke Causes Disease: The Biology and Behavioral Basis for Smoking – Attributable Disease*, Rockville, MD. m.s. 4.

⁴ Institute For Public Health Ministry Of Health Malaysia (2008), *The Third National Health And Morbidity Survey 2006 (NHMS III) Smoking*, Kuala Lumpur : Ministry of Health m.s. 80.

Pendidikan dan Kaunseling Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Profesor Madya Dr. Mariani Md. Nor berkata, wanita terutama dalam usia remaja mudah terikut sikap dan penampilan rakan sebaya, faktor tekanan yang dilalui oleh persekitaran selain penampilan gaya hidup lebih moden.⁵

Dalam portal *MyHealth*⁶ oleh Kementerian Kesihatan menyatakan bahawa merokok meningkatkan risiko sehingga 10 kali ganda untuk mendapat 40 jenis penyakit serius seperti kanser paru-paru, penyakit jantung dan angin ahmar atau strok. Merokok boleh memberi kesan kepada hampir setiap organ dan tisu badan. Risiko untuk mendapat penyakit yang membawa maut dan dikaitkan dengan merokok seperti penyakit saluran pernafasan : lebih 10-20 kali ganda, barah paru-paru : lebih 10-15 kali ganda, barah payudara : lebih 11 kali ganda, barah hidung dan tekak : lebih 5-15 kali ganda, barah mulut: lebih 3-15 kali ganda, barah saluran makanan : lebih 4-5 kali ganda, sakit jantung : lebih 1.5-3 kali ganda, barah buah pinggang : lebih 1.5-3 kali ganda, ulser perut : lebih 2 kali ganda dan angin ahmar : lebih 2-3 kali ganda.

Isu kemudaratan asap rokok terhadap kesihatan, iaitu menghidu asap rokok secara langsung atau secara pasif (*passive smoking*) menjadi persoalan hak asasi manusia yang semakin hebat diperkatakan di negara-negara maju. Kajian-kajian saintifik yang dijalankan oleh berbagai badan penyelidikan terkemuka antarabangsa telah membuktikan bahawa merokok secara pasif merupakan penyebab utama kejadian kanser paru-paru dalam kalangan orang yang tidak merokok. Bagi wanita bukan perokok, beliau mempunyai pertambahan risiko sebanyak 30% untuk menghidap kanser paru-paru dan kelebihan 50% pula untuk diserang penyakit jantung, jika suaminya merokok.

Pendapat ini berkaitan juga dengan hasil kajian oleh Helgason yang bertujuan menilai sikap ibu bapa terhadap pendedahan asap rokok (PAR) terhadap anak-anak

⁵ Utusan Malaysia, 24 Jun 2010.

⁶ <http://www.myhealth.gov.my/myhealth>, 15 Februari 2011.

mereka yang berumur antara 3-5 tahun. Sejumlah 5,500 ibu atau bapa yang merokok telah dipilih secara rawak di beberapa negara iaitu Sweden, Norway, Denmark, Iceland, dan Finland. Kajian mendapati bahawa dua daripada tiga atau 66% orang perokok tidak sedar kesan PAR terhadap kesihatan anak kecil mereka, dan mereka juga tidak sedar bahawa anak-anak mereka mempunyai potensi meniru tabiat merokok.⁷

Menurut analisis yang dilaporkan oleh *Euromonitor*⁸ menyatakan pasaran industri rokok di Arab Saudi berkembang dan berpotensi dengan kadar perokok yang tinggi dan mengangarkan lebih 25 juta orang, ia adalah negara ke 25 yang tertinggi berbanding permintaan rokok di mana jenama rokok terkenal *Philip Morris International* menyumbang 61% dan diikuti oleh jenama Marlboro dengan 40% pada tahun 2009. Ini menunjukkan negara Islam adalah sasaran utama oleh syarikat-syarikat rokok yang dipelopori oleh negara-negara bukan Islam dalam industri tembakau.

Di Indonesia, amaran “*Di Larang Merokok*” sering kali tidak diendahkan di mana-mana tempat dengan anggaran mereka yang merokok sebanyak 220 billion batang setahun. Lebih mengejutkan 63 peratus lelaki dewasa rakyatnya adalah perokok sementara wanita dan kanak-kanak turut ketagih. Manakala purata pendapatan isi rumah, iaitu sebanyak 11 peratus dibelanjakan untuk membeli rokok selepas beras yang menjadi keperluan utama mereka.⁹

Marzukhi Md. Isa, Pengarah Kesihatan Kedah, menyatakan bahawa terdapat 13,000 kakitangan di Jabatan Kesihatan Kedah dan daripada jumlah itu, 30 peratus adalah perokok. Oleh itu beliau menetapkan hanya warga kerja yang tidak merokok akan dipertimbangkan untuk Anugerah Khidmat Cemerlang. Tindakan ini

⁷ Helgason, A.R, Lund, K.E (2001), *Environmental Tobacco Smoke Exposure Of Young Children- Attitudes And Health-Risk Awareness, in The Nordic Countries*, Nicotien & Tobacco Research.

⁸ <http://euromonitor.com> , 28 Januari 2011.

⁹ Australian Associated Press, 26 April 2009, “*Asia: Indonesia’s Worsening Addiction To Cigarettes*”

seharusnya dicontohi oleh semua sektor pekerjaan dalam menilai tahap prestasi berkaitan personaliti individu pekerja.¹⁰

Berkaitan dengan penguatkuasaan merokok di tempat-tempat awam, Jabatan Kesihatan telah mengeluarkan 43 notis di bawah Seksyen 32B Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 kepada beberapa individu supaya hadir ke mahkamah kerana kesalahan merokok di tempat awam. Ini menjelaskan masih ramai dalam kalangan perokok yang tidak mengendahkan larangan dan beranggapan perbuatan mereka merokok di tempat larangan merokok adalah tidak bersalah.¹¹

Berdasarkan isu-isu yang dinyatakan seperti di atas, jelaslah amalan merokok bukanlah perkara yang mendatangkan faedah bahkan mengundang masalah kesihatan yang boleh mengancam nyawa, masalah sosial dalam keluarga, masyarakat dan negara. Malahan perbelanjaan membeli rokok dianggap pembaziran wang kerana bukan sahaja tidak bermanfaat malahan kerajaan membelanjakan kos yang besar untuk menanggung perubatan yang disebabkan oleh rokok. Walaupun mereka yang merokok mempunyai pelbagai alasan sepatutnya golongan yang berpendidikan dapat memberi contoh kepada masyarakat dengan mematuhi larangan merokok di tempat-tempat awam dan dapat menghentikan tabiat merokok yang memudaratkan.

1.3 Penyataan Masalah

Budaya merokok bukan sahaja berlaku di negara kita tetapi menjadi masalah yang serius di negara-negara Islam yang lain. Namun demikian, pertambahan bilangan perokok menunjukkan masyarakat belum peka dengan ancaman rokok kepada

¹⁰ Utusan Malaysia, 3 Oktober 2010

¹¹ Utusan Malaysia, 28 Januari 2011, "43 Notis Kesalahan Merokok Di Tempat Awam"

kesihatan yang berisiko kepada penyakit yang serius. Peningkatan bilangan remaja yang merokok akan membawa ancaman kepada negara, di mana data kajian Tinjauan Morbiditi dan Mortaliti Kebangsaan, tahun 2003 remaja berumur antara 13-15 tahun yang merokok adalah 19.9% dengan peratusan 35.5% remaja lelaki dan 4.3% adalah remaja perempuan.¹² Statistik jumlah perokok dewasa berdasarkan tinjauan Morbiditi dan Kesihatan Kebangsaan 2006 mencatatkan 2.61 juta perokok lelaki, iaitu 95.6% dan 120,000 perokok wanita, iaitu 4.4%. Manakala penjawat awam yang merokok dianggarkan 35.0% atau 420,000 daripada 1.2 juta kakitangan awam.¹³

Dalam menangani masalah ini, guru-guru sudah semestinya menyahut cabaran ini kerana merekalah yang menjadi role model kepada pelajar-pelajar. Seterusnya, pendedahan kepada pendekatan agama serta pengetahuan yang luas tentang kesan bahaya dan kemudaratan kepada kesihatan diri, keluarga dan pembaziran wang amat penting kepada setiap lapisan masyarakat. Di samping mengetahui kesedaran terhadap risiko penyakit daripada kebiasaan merokok oleh warga pendidik. Seharusnya perlu disedari kos rawatan yang ditanggung dan kehilangan produktiviti kepada negara jika masalah merokok tidak ditangani dengan berkesan. Sebagaimana dilaporkan kerajaan perlu membelanjakan RM3.5 bilion untuk memberi rawatan kepada perokok pada tahun 2007.¹⁴ Negara menanggung kerugian kira-kira RM20 bilion setahun untuk setiap 10,000 perokok yang mendapat rawatan pelbagai penyakit akibat merokok.

Oleh itu, penyelidik ingin meninjau hubungan antara program kempen tidak merokok yang menjadi agenda utama negara mengikut perspektif Islam. Selain dapat mengenal pasti pelaksanaan peraturan-peraturan berkaitan larangan merokok di tempat-tempat awam dapat diamalkan oleh guru-guru di kawasan sekolah. Jika diperhatikan masyarakat kini, mereka masih kurang mengendahkan peraturan-peraturan larangan merokok di tempat-tempat awam walaupun banyak tanda larangan dan kempen kesedaran tentang bahaya merokok.

¹² The Third National Health And Morbidity Survey 2006 (2008), *op.cit.*, m.s. 25.

¹³ Berita Harian, 9 Julai 2009.

¹⁴ Utusan Malaysia, 24 November 2007.

Kajian ini juga untuk menjelaskan sejauh manakah kesedaran terhadap hukum merokok dan implikasi kesihatan akibat amalan merokok dalam kalangan guru-guru di sekolah-sekolah kebangsaan daerah Kulaijaya. Tanpa kesedaran yang serius dalam kalangan guru-guru untuk membantu diri supaya meninggalkan amalan merokok tentulah sukar mendidik pelajar dan generasi muda ke arah tidak kepada rokok.

1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah seperti berikut :

- (i) Meninjau pengetahuan guru-guru terhadap hukum merokok mengikut perspektif Islam.
- (ii) Mengenal pasti kesedaran guru-guru terhadap implikasi kesihatan akibat amalan merokok.
- (iii) Mengenal pasti kepekaan guru-guru kepada peraturan-peraturan larangan merokok di kawasan sekolah.
- (iv) Mengenal pasti kewajaran pelaksanaan kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam.
- (v) Menganalisis perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor umur, jantina, taraf pendidikan, dan opsyen mata pelajaran.
- (vi) Menganalisis hubungan yang signifikan antara kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam dengan kesedaran hukum merokok.

1.5 Persoalan Kajian

Terdapat enam persoalan kajian yang dikemukakan oleh penyelidik dalam kajian ini. Antara persoalan kajian dalam kajian ini adalah :

- (i) Sejauhmanakah pengetahuan guru-guru terhadap hukum merokok mengikut perspektif Islam?
- (ii) Bagaimanakah tahap kesedaran guru-guru terhadap implikasi kesihatan akibat amalan merokok?
- (iii) Adakah terdapat kepekaan peraturan-peraturan larangan merokok di kawasan sekolah dipatuhi oleh guru-guru?
- (iv) Apakah kewajaran pelaksanaan kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam?
- (v) Apakah wujud perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor usia, jantina, taraf pendidikan dan opsyen mata pelajaran?
- (vi) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam dengan kesedaran hukum merokok?

1.6 Hipotesis Kajian

Berdasarkan objektif dan persoalan kajian, terdapat lima hipotesis kajian yang telah dibentuk bagi menguji dan meramal pembolehubah-pembolehubah yang terdapat dalam kajian iaitu :

- (i) H1 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor umur.
- (ii) H2 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor jantina.
- (iii) H3 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor taraf pendidikan.
- (iv) H4 : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan faktor opsyen.
- (v) H5 : Tidak terdapat hubungan antara kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam dengan kesedaran hukum merokok.

1.7 Batasan Kajian

Batasan kajian ini meliputi perkara-perkara berikut :

- (i) Kajian ini dijalankan di sekolah-sekolah dalam daerah Kulaijaya yang di bahagikan kepada empat zon. Terdapat 16 buah sekolah dipilih secara rawak daripada setiap zon iaitu melibatkan 4 buah Sekolah Kebangsaan bagi setiap zon. Kajian ini tidak melibatkan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil.
- (ii) Kajian ini hanya melibatkan guru-guru lelaki dan wanita bagi tahun 2012 di 16 buah sekolah terbabit. Ini bermakna kakitangan sekolah tersebut tidak termasuk dalam kajian ini.
- (iii) Responden untuk kajian ini merujuk kepada bangsa iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain kaum dan tidak merujuk kepada agama responden. Oleh itu,

pernyataan bagi menjawab soal selidik adalah mengikut skala Likert untuk responden memberi pilihan jawapan yang sesuai.

- (iv) Kajian ini membataskan enam perkara, pertama adalah untuk meninjau pengetahuan guru-guru tentang hukum merokok. Kedua ialah kesedaran implikasi merokok terhadap kesihatan dalam kalangan guru-guru. Ketiga, meninjau kepekaan responden kepada peraturan-peraturan larangan merokok di tempat awam dapat diamalkan oleh guru-guru di kawasan sekolah. Keempat, adalah untuk mengetahui kewajaran pelaksanaan kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam. Kelima, untuk menganalisis sejauh mana terdapat perbezaan yang signifikan antara kesedaran hukum merokok dengan aspek umur, jantina, taraf pendidikan dan mengikut opsyen. Keenam, menganalisis hubungan yang signifikan antara kempen tidak merokok yang berteraskan tujuan perundangan Islam dengan kesedaran hukum merokok.

1.8 Definisi Istilah

Dalam kajian yang dijalankan, terdapat beberapa istilah penting yang perlu dijelaskan dengan lebih tepat dari sudut maksudnya. Antara istilah-istilah tersebut adalah seperti berikut :

1.8.1 Implikasi

Implikasi ialah sesuatu maksud, tujuan yang disindirkan atau dibayangkan, tetapi tidak dinyatakan secara terus terang. Ia juga bermaksud kiasan, bayangan (tidak terus

terang). Implikasi juga ialah kesan (kemungkinan dan sebagainya) yang terbit atau dapat ditakrif daripada sesuatu.¹⁵

Manakala perkataan *inflict* dalam kamus Al-Misbāh¹⁶ *implicate* (kata kerja transitif) bermaksud *يُورط في , يشارك في* *Implication* merujuk kepada kata nama bermaksud terbit(nya), *implying or being implied* – menunjukkan. *st implied* iaitu implikasi.¹⁷ Implikasi bermaksud keterlibatan.¹⁸ Merujuk terjemahan *im.plica.tion* ialah benda yang dicadangkan atau dikaitkan, dan juga benda yang tidak dinyatakan secara terbuka.¹⁹

Oleh itu implikasi dalam kajian ini adalah tentang kesan yang telah diketahui atau kemungkinan yang dijangkakan daripada tabiat dan ketagihan rokok kepada faktor kesihatan dan faktor masalah-masalah sosial yang berpunca disebabkan merokok. Seterusnya mendorong kepada kesedaran individu terhadap hukum haram merokok berasaskan bukti-bukti serta hujah-hujah yang menyakinkan.

1.8.2 Tembakau

Tembakau dari segi bahasa ditakrifkan sebagai sejenis tumbuhan (herba yang daunnya dikeringkan dan diracik tipis-tipis untuk dibuat rokok, cerut dan lain-lain).²⁰ Menurut Mu'jam al-Wasit pula, tembakau sebagai tanaman yang mengandungi

¹⁵ Kamus Dewan (2005) edisi keempat, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, m.s. 571

¹⁶ Nayef Kharma dan Anthony Eyre (1996) *Al-Misbah* Beirut: Librairie du Liban Publishers, m.s. 167

¹⁷ Kamus Inggeris Melayu Dewan (1991) Selangor : Percetakan Dewan Bahasa Pustaka, m.s. 735

¹⁸ Zainal Abidin Safarwan (1995) Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors, m.s. 663

¹⁹ AS Hornby, terjem. Prof. Dato Dr. Asmah Hj. Omar (2000) Oxford Fajar, Penerbit Fajar, m.s. 920

²⁰ Kamus Dewan (2005) edisi keempat, *op.cit.*, m.s. 1640.

unsur-unsur *Aubergine*²¹ (*Solanacea*) yang digunakan dalam kandungan rokok dan sebagai tanaman untuk dijadikan perhiasan.

Terdapat tiga kaedah proses pengawetan daun tembakau yang biasa digunakan di Amerika, iaitu kaedah *air-curing*,²² iaitu kaedah daun tembakau dikeringkan tanpa bahan kimia dan digantung di dalam gudang yang mempunyai pengudaraan yang baik untuk menghasilkan tembakau yang asli. Kaedah kedua proses pengawetan *fire-curing*, iaitu proses mengeringkan daun tembakau menggunakan api kecil yang dinyalakan di bawah lantai gudang untuk mempercepatkan proses pengeringan.

Manakala kaedah ketiga yang biasa digunakan adalah proses *flue-curing*, iaitu pengawetan pelbagai daun tembakau di dalam bekas kedap udara dengan menggunakan haba buatan.

1.8.3 Rokok

Rokok adalah silinder daripada kertas berukuran panjang antara 70 hingga 120 mm (variasi bergantung kepada negara) dengan diameter sekitar 10 mm yang berisi daun-daun tembakau yang telah dicacah.²³ Secara umum rokok merupakan benda yang terhasil daripada tembakau yang diracik-racik halus dan digulung lalu disedut untuk dinikmati sehingga mendatangkan ketagihan terhadap pengamalnya.

Walaupun reka bentuk produk rokok telah dikenali umum semenjak awal abad ke sembilan belas dengan pelbagai jenama dan inovasi dalam mengurangkan

²¹ Sejenis tumbuhan yang mengandungi unsur racun dan memabukkan.

²² Jordan Goodman (2005) *Tobacco in History and Culture, An Encyclopedia*, Thomson Gale, m.s. 448.

²³ Kamus Dewan (2005) edisi keempat, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, Lihat juga: <http://ms.wikipedia.org/wiki/Rokok>.

masalah kesihatan namun ia tetap mengandungi nikotin, tar dan bahan-bahan kimia yang tetap mengancam kesihatan manusia.²⁴

Rokok yang didapati pada masa kini telah dibungkus dalam kotak mengikut ketetapan *Control of Tobacco Products Regulations (CTPR) 2004* dengan menetapkan beberapa elemen seperti kulit kotak rokok yang bercetak, kandungan 14 batang rokok, kandungan 23 batang rokok, dekorasi kotak dan kotak berkembar atau lebih.²⁵

Rokok juga terdapat dalam pelbagai perisa. Sebagai contoh “Bliss” jenama tempatan pertama mengeluarkan rokok berperisa strawberi. Terdapat perisa lain seperti kapucino, coklat, tembakau paip dan limau.

1.9 Kesimpulan

Pengetahuan dalam menangani isu yang melibatkan ketagihan merokok atau kebiasaan dalam kehidupan bukanlah sesuatu yang mudah untuk diamalkan. Kesedaran terhadap hukum haram merokok dan implikasi terhadap beberapa punca penyakit yang boleh membawa maut kepada warga pendidik akan terhasil dengan bermujahadah untuk menahan diri daripada terus merokok dan berhenti merokok. Kefahaman hukum dapat dihayati dengan memotivasikan diri terhadap implikasi bahaya merokok di mana mendorong setiap individu untuk tidak merokok. Profesion sebagai guru adalah role model kepada anak-anak didik dan juga masyarakat, dengan itu amalan merokok perlulah dijauhi. Seterusnya kefahaman dengan konsep mencari kehidupan yang berkat adalah penting, iaitu dengan meninggalkan perkara-perkara

²⁴ Public Health Service Office of the Surgeon General Rockville, MD (2010) *The Changing Cigarette* Rockville, MD, m.s. 15.

²⁵ The Third National Health and Morbidity Survey (2006) *op.cit*, m.s. 60.

yang haram dan perkara-perkara yang syubhah terutama dalam aspek penjagaan kesihatan dan amalan pemakanan.

Oleh itu, sebagai langkah yang wajar dilakukan berkaitan ketagihan merokok adalah menghindarkan budaya merokok dengan memahami bahaya dan implikasi merokok dengan pengetahuan yang menepati perspektif Islam. Justeru, usaha dan langkah kerajaan dalam kempen-kempen berhenti merokok mestilah diutamakan kerana amalan merokok terbukti menjejaskan kesihatan diri serta mengganggu hak-hak orang lain. Manakala terdapat hikmah yang lebih utama di sebalik larangan merokok tidak lain adalah bertujuan untuk menjaga kesejahteraan ummah.

BIBLIOGRAFI

Buku

Al-Quran al-Karim

‘Abdullah Al-Qari Bin Hj. Salleh. (1995). *Rokok Dan Keharamannya*, Kuala Lumpur: Darul Nu'man.

‘Abdullah Basmeih. (1992). *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Jabatan Perdana Menteri: Bahagian Hal Ehwal Islam.

‘Abdul Wahhab bin ‘Abdul Salam Tawilah. (1986M/1406H). *Fiqh al-Asyribah wa Hadduha Aw Hukum al-Islam fi al-Muskirat wa al-Mukhaddirat wa al-Tadkhin wa Turuq Mu'alajatiha*, Kaherah : Dar al-Salam.

Adil Akhyar. (2011). *Haram Merokok!*, Johor Bahru: Pustaka Azhar.

Ahmad Ridzwan Mohd Noor. (2010). *Hukum Merokok Daripada Perspektif Islam*, Melaka: Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Aiman Husaini. (2006). *Taubat Merokok Rahsia & Cara Empatik Berhenti Merokok*, (terjemahan Sari Narulita), Jakarta: Pustaka Ilman.

Akhmal Hj. Mohd. Zain. (2007). *Asas Pengetahuan Agama Islam (Tauhid, Feqah & Akhlak)*, Kuala Lumpur : Al Hidayah Publications.

Al-Bashri al-Sayyid al-Allamah Umar (t.t), *Majmu'ah Sab'ah Kutub Mufidah*.

Al-Qaradawi, Yusuf. (1969). *Halal Wal Haram Fil Islam*, Maktabah Al Islami, Yogyakarta : Pustaka Pelajar.

Al-Qaradawi, Yusuf. (1995). *Fatwa Kontemporer*, (terjemahan Drs As'ad Yasin), Jilid 1, Gema Insani Press. Jakarta.

Al-Zuhaili, Wahbah. (2003). *Fatāwa Muāsharah*, Damsyik: Dar al-Fikr.

As-Shāfi'ī Imam Abi ‘Abdullah Muhammad Bin Idris, (w. 204H), *Al Umm*, Darul Fikr Bairut. (1990) jld. 1.

Azizi Yahaya. (2007). *Menguasai Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.

- Danial Zainal Abidin. (2006). *Perubatan Islam dan Bukti Sains Moden* PTS Litera Utama.
- Eiser, J. R. (1985). Smoking : The social learning of an addiction. *Journal of Sosial and Clinical Psychologi*, 3, m.s. 446-457.
- Fatwa Mufti Kerajaan. (2004). *Rokok & Merokok*, Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri Negara Brunei Darulssalam.
- H. M. Atho Mudzhar. (1998). *Pendekatan Studi Islam Dalam Teori Dan Praktek*. Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Ibn Baaz, Syeikh ‘Abdul ‘Aziz Bin ‘Abdullah Bin Bazz. *Fatāwa bin Baaz*, (terjemahan Abu Abdillah Abdul Aziz), Solo: At-Tibyan.
- Institute for Public Health (IPH) Malaysia. (2008). *The Third National Health And Morbidity Survey 2006 (NHMS III), Smoking*, Kuala Lumpur : Ministry of Health.
- Johnson, B. D. (1980), Toward a theory of drug subcultures, dalam D. J. Lettieri, M.Sayers, & H. W. Pearson (Eds.) *Theories on drug abuse*. NIDA Research Monograph 30, m.s. 110-119.
- Jordan Goodman. (2005). *Tobacco in History and Culture, An Encyclopedia*, Farmington Hills, MI: Thomson Gale.
- Kamus Inggeris Melayu Dewan. (1991). Selangor : Percetakan Dewan Bahasa Pustaka.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2005). *Modul Berhenti Merokok*, Kuala Lumpur : Bahagian Promosi Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). “*Determanining Sample Size For Research*”. *Educational and Psychological Measurement*, 30,607-610.
- _____ *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2005), Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Landell, K. (1997). *Management by Menu*, London : Wiley and Sons Inc.
- Lutfi Abas, et.al. (1988), *Kamus Pelajar Delta*, Petaling Jaya: Delta.
- Mahmud Syaltut. (t.t) *Al-Fatāwa Dirasah li Musykilat al-Muslim al-Mu‘ashir fi Hayatih al-Yaumiyyah wa al-‘Ammah*.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Mohd Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka Bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Abu Farooq Al-Athari. (2004). *Rokok Haram atau Makruh Dan Penawar Atau Pembunuh*, Johor Bahru: Perniagaan Jahabersa.
- Nayef Kharmah dan Anthony Eyre. (1996). *Al-Misbah* Beirut: Librairie du Liban Publishers.
- _____. *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi* (1992) Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Oxford Fajar. (2000). *Advanced Learner's English-Malay Dictionary*, Penerbit Fajar
- Public Health Service Office of the Surgeon General Rockville, MD. (2010). "*How Tobacco Smoke Causes Disease: The Biology and Behavioral Basis for Smoking – Attributable Disease*," Rockville, MD.
- Pusat Penyelidikan Dadah dan Ubat-Ubatan, (1998). *Kajian Tentang Ilmu Pengetahuan Kesihatan dan Sikap Terhadap Penggunaan Dadah Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Rasul Dahri. (1997). *Hukum Mengenai Rokok Dan Mencukur Janggut*, Johor Bahru : Perniagaan Jahabersa.
- Stem, R. A., Prochaska, I. R. Velicer, W. F. & Elder, I. P. (1987). *Stages of Adolescent Cigarette Smoking Acquisition : Measurement and sample profiles*. *Addictive Behaviors*, 12, 319-329.
- Sufean Hussin. (2004). *Merokok Di Kalangan Remaja Malaysia*, Shah Alam: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Sulaiman Masri. (1949). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan (esei, proposal tesis)*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Zainal Abidin Safarwan. (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri. (2011), *Haramkah Rokok? Hukum Dan Penyelesaiannya*, Telaga Biru.

Jurnal

- Abdullah Alwi Haji Hassan. (2007). Ijtihad dan Peranannya Dalam Pengharmonian Pengalaman Undang-Undang Syariah di Dunia Masa Kini, *Jurnal Syariah*, 15 (2). pp. 1-24. ISSN 0128 – 6730
- Ahmed I. Fathelrahman. [et al], (2009). Smokers' Responses Toward Cigarette Pack Warning Labels In Predicting Quit Intention, Stage Of Change, And Self-Efficacy, *Nicotine & Tobacco Research*, Volume 11, Number 3 (March 2009) 248–253 AMSS & IIIT.
- Bangros S. [et al], (1994). Faktor-Faktor Risiko Karsinoma Esofagus Di Hospital Kuala Lumpur, *Buletin Jabatan Kesihatan Masyarakat*, Jilid 1. Bil. 2.
- Earp J. A., Ennett S.T. (1991). Conceptual models for health education research and practice. *Health Educ Res.* Jun; 6(2):163-71. PubMed PMID: 10148689
- Gregory J Tranah. [et al], (2011), Cigarette, Cigar And Pipe Smoking, Passive Smoke Exposure, And Risk of Pancreatic Cancer: A Population-Based Study In The San Francisco Bay Area, *BMC Cancer*.
- Hodgson Marshall G.S. (1974). *The Venture of Islam: History and Conscience in a World Civilization*, Volume 1, Chicago University Press, Chicago.
- Mona Abdul-Fadl (1989), *Paradigms In Political Science Revisited*, Herndon.
- N.A Baharuddin. [et al], (2008). The Relationship Between Smoking And Periodontal Status, *Annual Dent.* University Malaya.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim. [et al], (2009). Ijtihad Dalam Institusi Fatwa di Malaysia : Satu Analisis, *Jurnal Syariah*, Jil. 17, Bil. 1
- Sufean Russin, Mariani Md Nor. (2004). Dasar Warga Sihat: Isu Psikologi Faktor Remaja Merokok, *Jurnal Pendidikan 2004*, Universiti Malaya.

Tesis

- Ahmad Hafizi Saad. (2008). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Tingkahlaku Merokok Di Kalangan Pelajar Sekolah : Satu Tinjauan Di SMK Taman Selesa Jaya 2, Skudai, Johor*, Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia

- Cynthia M. Lakon. [et al], (2009). *The Social Context of Adolescent Smoking: A Systems Perspective*, Department of Population Health and Disease Prevention, Program in Public Health, University of California, Irvine.
- Helgason, A. R., Lund, K. E. (2001). *Environmental Tobacco Smoke Exposure Of Young Children-Attitudes And Health-Risk Awareness, In The Nordic Countries*, Nicotine & Tobacco Research.
- Lee Jee Yuan. (2010). *Persepsi Pelajar Tentang Amalan Merokok Dan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhinya Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah*, Tesis Sarjana: Universiti Teknologi Malaysia.
- Michael K. Ong. [et al], (2009). *Sensitivity to Cigarette Prices Among Individuals With Alcohol, Drug, or Mental Disorders*, General Internal Medicine and Health Services Research, Department of Medicine, University of California, Los Angeles.
- Ourania Kosti. [et al], (2010). *Mutagen Sensitivity, Tobacco Smoking And Breast Cancer Risk: A Case-Control Study*, Carcinogenesis vol.31 Georgetown University Medical Center, Washington, DC 20057, USA.
- Rika Mayasari Alamsyah. (2009). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kebiasaan Merokok Dan Hubungannya Dengan Status Penyakit Periodontal Remaja Di Kota Medan Tahun 2007*, Tesis Sekolah Pascasarjana: Universiti Sumatera Utara Medan.
- Roslee Bin Ahmad. [et al], *Kajian Punca, Risiko Merokok Dan Sumbangan Merokok Terhadap Penagihan Bahan. Satu Kajian Di Pusat Giat Mara Bukit Payong, Marang, Terengganu*, Tesis Sarjana Muda: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Hafizah Wan Abdullah. (2009). *Kesetiaan Jenama Rokok Di Kalangan Pengguna Rokok*, Sarjana Muda (Pengurusan - Pemasaran) : Universiti Teknologi Malaysia.

Dokumen Pekeliling, Rencana Dan Artikel Akhbar

- [1997] *Sekolah Sebagai Kawasan Larangan Merokok*. : KP(BS)8591/Jld.VII/(76).
- [2004] *Larangan Merokok Di Universiti Malaysia Sabah*. : UMS/PN2.1/P5/2.
- [2009] *Larangan Merokok Dalam Kawasan Universiti*. : UTHM/PP/100-6/3 Jld 9 (20).
- [2011] *Larangan Merokok Di Dalam Kawasan Kampus Universiti Teknologi Malaysia*. : UTM.J.02.02/10.12/2(78).

[2011] *Larangan Merokok Di Dalam Kawasan Kampus Universiti Teknologi Malaysia Dan Pusat-Pusat Pembelajaran UTMSPACE*. : USB.01/04.01/10.12/22(5).

AAP General News (Australia) 26 April 2009, “*ASIA: Indonesia's worsening addiction to cigarettes*”.

A. Jalal A., Abdul Rahman HJ...[et al], (1995) *Amalan Merokok Dan Faktor Yang Berkaitan Dengannya Di Kampung Bukit Kerayong, Mukim Jeram Dan Kapar, Selangor 1993*, Buletin Kesihatan Masyarakat. Jilid 2 , Bilangan 1.

Berita Harian 21 Mei 2007, “*Laporan Khas: Remaja Ketagihan Rokok Kian Membimbangkan*”.

Berita Harian 21 Mei 2007, “*Jumlah Wanita Ketagihan Rokok Kian Membimbangkan*”.

Data EMIS (2012) “*Statistik Guru Mengajar Lelaki dan Perempuan Mengikut Sekolah*” Pejabat Pelajaran Daerah Kulaijaya.

Malaysia Pharmaceuticals & Healthcare Report (2011) “*Industry trends and developments*” Business Monitor International.

Modul Berhenti Merokok (2001), *Panduan Berhenti Merokok*, Bahagian Pendidikan Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Pekeliling Kesihatan Awam Bilangan 1 Tahun 2005 (Semakan 2007), *Garis panduan Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004*, Kementerian Kesihatan Malaysia.

Utusan Malaysia 24 Jun 2010, “*Remaja Wanita Mudah Terikut*” .

Utusan Malaysia 3 Oktober 2010, “*Perokok tidak akan diberi Anugerah Khidmat Cemerlang*”.

Utusan Malaysia 28 Januari 2011, “*43 Notis Kesalahan Merokok Tempat Awam*” .

Internet

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/merokok-dari-pandangan-islam>, 28 Mac 2011.

<http://www.myhealth.gov.my/myhealth/bm/template.jsp>, 15 Februari 2011.

<http://www.infosihat.gov.my/taknak/KempenTakNak.php>, 15 Februari 2011.

<http://www.TakrifRokok> 742011https.wikipedia.orgwikiRokok 08 April 2011.

<http://www.euromonitor.com/industrial>, 08 April 2011.

<http://www.didkedah.gov.my/jpskmsb/artikal/merokok.pdf> ,27 April 2011 .

<http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan>, 28 Mac 2011.

<http://www.muftiselangor.gov.my/PortalFatwaSelangor/html>, 02 Mei 2011.

http://www.malaysianbar.org.my/legal/general_news/cadangan_haram_rokok_di_pahang_akan_dikaji_semula.html, 02 Mei 2011.

http://www.infosihat.gov.my/media/risalah/Ris_Merokok, 02 Mei 2011.

http://www.kosmo.com.my/kosmo/Rencana_Utama, 05 Januari 2013.